

31 JAN 1996

Basikal - Jelajah

BEKAS JUARA DUNIA SERTA JELAJAH LANGKAWI

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Alex Pedersen dari Denmark yang menjuarai Kejohanan Lumba Basikal Dunia 1994 adalah antara nama-nama terkemuka yang akan menyertai jelajah basikal Malaysia yang pertama bertaraf antarabangsa, "Le Tour de Langkawi," yang dijadual bermula pada 29 Feb ini.

Pedersen adalah antara tujuh pelumba yang didaftarkan oleh Denmark yang akan mengetuai cabaran negara itu pada perlumbaan itu yang menawarkan hadiah wang berjumlah RM1 juta.

Selain Pedersen, pasukan Denmark itu merangkumi Christian Andersen, Henrik Jacobson (juara perlumbaan Scandinavia 1995), Stig Guldback, Michael Rosberg (Juara Piala Denmark 1995), Dennis Rosmussen dan Morten Sonne.

Australia, yang turut mengesahkan penyertaannya, juga menyenaraikan pelumba Sukan Olimpik dalam pasukannya.

Dua daripada pelumba Australia ialah Juara Kejohanan Lumba Basikal Remaja Dunia Josh Collingwood dan Deane Rogers yang masing-masing menjuarai kejohanan itu pada 1994 dan 1995.

Anggota lain pasukan itu ialah juara lumba basikal Sukan Komanwel 1994 Damian McDonald, Marcel Gono and Brett Dennis.

Negara lain yang akan menyertai perlumbaan itu ialah Holland, yang menyenaraikan pasukan Sukan Olimpiknya, Ireland, Republik Slovakia dan Britain.

Tuan rumah, Malaysia, akan diwakili oleh tiga pasukan iaitu skuad elit, skuad sokongan dan skuad projek Sukan Komanwel.

Skuad elit terdiri daripada pemenang pingat emas Sukan SEA Chiang Mai Tsen Seong Hoong, M. Kumaresan, Edwin Ng, Affendy Rosli, Azizan Manap, Musairi Musa dan Wong Ah Thiam.

Jurulatih Malaysia Ng Joo Ngan ketika ditanya mengenai peluang pasukan negara pada perlumbaan itu berkata, mereka berazam menjadi antara 10 pasukan terbaik bagi keseluruhan perlumbaan itu.

"Apa yang penting bagi kami ialah untuk belajar daripada pelumba-pelumba terkemuka dunia dan perlumbaan ini juga akan memberi kami peluang mengetahui kedudukan kami berbanding pelumba lain dunia," kata Ng.

Setakat ini, sebanyak 66 pelumba dari 11 negara telah mengesahkan penyertaan mereka dan yang terbaru berbuat demikian ialah Jepun dan Ukraine.

Perlumbaan itu, yang akan dirasmikan oleh penaung Le Tour de Langkawi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Feb ini di Langkawi, diadakan dalam beberapa peringkat -- dari Kangar ke Pulau Pinang, kemudian ke Ipoh, Genting Highlands, Kuala Lumpur, Melaka, Johor Bharu, Mersing, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan berpatah balik untuk peringkat akhir di Langkawi pada 10 Mac.

Sementara itu, penganjur perlumbaan itu First Cartel (M) Sdn Bhd sedang dalam peringkat akhir mengatur persiapan menghadapi perlumbaan sepanjang 1500km itu.

Pengarah Eksekutif syarikat itu Haji Salim Yatim memberitahu persidangan akhbar di sini bahawa persiapan itu berjalan lancar dan mendapat sokongan daripada golongan pelumba serta sektor awam dan swasta di negara ini.

"Kami menerima sokongan padu daripada Kerajaan Malaysia, kerajaan-kerajaan negeri, persatuan lumba basikal serta sektor swasta," katanya.

Beliau berkata sektor awam dan swasta mengakui kepentingan perlumbaan itu sebagai satu lagi platform untuk menonjolkan Malaysia ke peringkat dunia dan ia akan menjadi acara sukan-pelancongan terbesar yang pernah diadakan setakat ini.

Salim berkata pihak penganjur juga banyak menerima bantuan dalam bentuk tunai dan barangan daripada badan-badan korporat terkemuka termasuk Kumpulan Berjaya Berhad, Chain Bond Sdn Bhd, Renong, Plus Berhad, Resort World Berhad, Kumpulan Lion Berhad, Syarikat Telefon Wireless Sdn Bhd, Bank Bumiputra, KUB Holdings Berhad dan TA Enterprise Berhad. -- BERNAMA